

Sinar Islam



TERDESAK jadi orang pertama menularkan berita menyebabkan fitnah berleluasa.

Fitnah cetus porak-peranda dalam masyarakat

Perbuatan itu terbit daripada hati yang kotor, bermasalah dan tidak dibenteng iman yang teguh

Komunikasi, UPM, Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman berkata, Imam al-Nawawi menjelaskan golongan pelampau yang disebut di dalam hadis ini ialah golongan yang melampaui batas dalam pengucapan mereka..

"Lidah mereka bebas berkata-kata tanpa ada batasan sehingga menjadi penyebab kepada kerosakan yang berlaku dalam masyarakat," jelasnya.

Justeru ujarnya, seseorang yang menyebarkan maklumat palsu, tidak benar atau tidak dipastikan kesahihannya melalui media sosial dan sebagainya juga boleh dikategorikan sebagai golongan pelampau yang akan mendapat kecelakaan.

"Bahkan, golongan seumpama ini lebih dahsyat kerana penyebaran berita melalui media sosial amat pantas berlaku dan sangat merosakkan," tegas Dr Sukki.

Cerita dan berita rekaan

Kalimah 'fitnah' berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang mengandungi beberapa makna seperti *ibtila'* atau ujian.

"Ibn Athir pernah menyebut, pada asalnya perkataan fitnah digunakan oleh orang Arab dengan maksud ujian, kemudian penggunaannya berkembang dan mempunyai pelbagai makna."

"Kalimah fitnah dari segi istilah

mempunyai pelbagai maksud sesuai dengan situasi ia digunakan. Ibn Hajar dalam kitab *Fath al-Bari* menyebut bahawa: "Sesungguhnya fitnah itu kebiasaannya dibuat untuk mengubah (sesuatu) dan mereka-reka."

ALLAH SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 191 bermaksud: "Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapatinya mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu; dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjidilharam sehingga mereka memerangi kamu di situ. oleh itu kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang yang kafir."

"Dalam ayat ini, kalimah fitnah menunjukkan maksud syirik yang merupakan jenayah yang lebih besar daripada perbuatan membunuh dalam bulan-bulan haram,"

Berbeza pula halnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Perkataan fitnah memberi maksud yang lebih spesifik, iaitu merujuk kepada tuduhan palsu yang direka untuk memburukkan seseorang atau sesuatu pihak dan boleh membawa kepada keadaan porak-peranda.



FITNAH sering dikaitkan dengan tuduhan palsu kepada individu lain dengan 'dosa yang lebih besar daripada membunuh' dan menghubungkannya dengan surah al-Baqarah ayat 191. Hakikatnya fitnah dalam ayat tersebut membawa maksud syirik kepada ALLAH SWT bukan bermaksud tuduhan palsu.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Celakalah golongan pelampau". Baginda mengulangkannya sebanyak tiga kali (Hadis Riwayat Muslim).

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan



DR MOHD SUKKI OTHMAN

